



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

BACAAN KALI PERTAMA RANG UNDANG-UNDANG ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2021

KUALA LUMPUR, 15 Disember – Rang Undang-Undang Antigangguan Seksual 2021 telah dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat pada hari ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah membangunkan Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual 2021 sebagai satu manifestasi penting untuk menunjukkan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia dan suatu bentuk keganasan berasaskan gender.

Bagi tujuan pengubalan RUU ini, KPWKM telah menubuhkan pasukan projek khas yang terdiri daripada agensi Kerajaan, ahli akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai kepakaran, pengetahuan dan pengalaman berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan gangguan seksual. Di samping itu, KPWKM turut mengadakan sesi konsultasi dengan pihak berkepentingan lain antaranya Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, wakil-wakil pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi dan juga beberapa kementerian dan jabatan kerajaan bagi membantu proses memuktamadkan RUU Antigangguan Seksual ini.

Lima elemen penting yang diperkenalkan dalam RUU ini adalah:

- (i) Penggunaan definisi gangguan seksual yang komprehensif dan terpakai untuk semua;

- (ii) Pemakaian undang-undang yang lebih meluas, tanpa mengira kesalahan berlaku di tempat kerja atau di mana-mana tempat lain;
- (iii) Penambahbaikan terhadap sistem perundangan sedia ada dalam pengendalian aduan gangguan seksual iaitu menerusi penubuhan tribunal khusus;
- (iv) Standard pembuktian perlakuan gangguan seksual di Tribunal yang mengguna pakai pembuktian secara imbangan keberangkalan (*balance of probabilities*); dan
- (v) Tebus rugi (*Redress*) kepada mangsa melalui pemberian remedi yang bersesuaian yang tidak hanya bersifat punitif dan pengajaran terhadap responden sahaja.

RUU Antigangguan Seksual 2021 juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai gangguan seksual agar perkara ini tidak dinormalisasikan. RUU ini juga akan menyumbang ke arah pewujudan persekitaran yang selamat kepada masyarakat khususnya wanita.

KPWKM akan meneruskan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan termasuklah ahli-ahli Parlimen bagi menyampaikan mesej yang jelas mengenai pembaharuan struktur (*structural reform*) melalui penggubalan RUU Antigangguan Seksual ini yang akan menangani kelompangan perundangan dan menambahbaik sistem keadilan sedia ada.

###

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 DISEMBER 2021